

16 NOV 1996

Kriss-Jualan

MOTOSIKAL NASIONAL MODENAS KRISS MULAI DIJUAL ESOK

GURUN, 16 Nov (Bernama) -- Motosikal nasional, Modenas Kriss 110 akan mulai dijual kepada orang ramai esok pada harga RM4,098 bagi model penghidup enjin elektrik dan RM3,798 bagi model tendangan kaki.

Harga tunai itu termasuk insurans komprehensif dengan perlindungan bagi seorang penunggang dan cukai jalan selama enam bulan.

Modenas Kriss 110 akan dijual mulai 9 pagi menerusi 120 ejen jualan di seluruh negara yang dilantik oleh Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos), anak syarikat milik penuh pengeluar motosikal nasional itu, Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas).

Ketua Pegawai Eksekutif Emos, Mohamed Radzi Zainol hari ini berkata harga Modenas Kriss lebih murah berbanding dengan model motosikal saingannya.

"Harga yang murah itu bukan sahaja kerana ia motosikal nasional tetapi untuk turut memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki motosikal baru," katanya kepada pemberita selepas upacara pengumuman harga dan penyampaian sijil perlantikan ejen jualan di kilang Modenas, di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Anggota Lembaga Pengarah DRB-Hicom Bhd Mohamed Nor Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Modenas, Rashid Din, wakil Kawasaki Heavy Industries Corp, S. Kitamura dan wakil Nissho Iwai Corp, T. Domae.

Projek motosikal Modenas Kriss adalah usahasama antara DRP-Hicom, Kawasaki Heavy Industries, Khazanah Nasional dan Nissho Iwai.

Memorandum Persafahaman (MoU) bagi projek itu dimeterai pada Februari tahun lepas dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan upacara pecah tanah tapak kilang Modenas ini pada enam bulan kemudian.

Unit pertama motosikal nasional dikeluarkan pada Jun tahun ini dan pada 3 Okt lepas, Dr Mahathir telah merasmikan kilang itu dan menamakan motosikal keluarannya sebagai Modenas Kriss.

Mohamed Radzi berkata kandungan komponen tempatan yang digunakan untuk motosikal itu tinggi pada kadar 60 peratus dan ini membolehkan Modenas Kriss yang menggunakan enjin empat lejang dijual pada harga yang rendah iaitu RM500 hingga RM700 lebih murah berbanding dengan motosikal jenama lain dengan spesifikasi yang hampir sama, yang dianggap saingannya.

Beliau berkata Emos menjangka tidak akan menghadapi masalah untuk memenuhi permintaan pembeli kerana kilang Modenas mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 10,000 buah motosikal sebulan.

Rashid, yang turut hadir pada persidangan berita itu berkata, Modenas mampu menambah keupayaan pengeluarannya untuk memenuhi tempahan.

"Kami sudah memasang 7,000 unit setakat ini dan kesemuanya akan diedarkan kepada wakil jualan sebelum akhir bulan ini. Ketika itu lagi 3,000 buah akan dipasang," katanya.

Setakat ini rangkaian pengedar Emos sudah menerima tempahan melebihi 10,000 buah tetapi Mohamed Radzi menjangkakan lebih banyak tempahan akan diterima mulai esok dengan jumlahnya diramalkan meningkat antara 15,000 dan 20,000 buah dari bulan depan hingga Februari tahun depan.

Beliau yakin pengedar Emos, yang jumlahnya akan ditambah kepada 180 hingga 200 menjelang tahun depan, dapat menyerahkan motosikal itu, yang dikeluarkan dalam warna biru, merah dan hijau, kepada pembeli dalam tempoh satu minggu.

Selain daripada 120 pengedar, Emos juga telah melantik 20 penyimpan

stok alat ganti.

Ketika ditanya mengenai jumlah wakil jualan Bumiputera dalam rangkaian pengedar Emos, Mohamed Radzi berkata bilangan mereka akan ditambah daripada 40 sekarang.

"Perniagaan motosikal adalah baru di kalangan Bumiputera...kami menerima 800 permohonan untuk menjadi pengedar tetapi setelah diteliti berpandu kriteria yang ditetapkan, kami hanya dapat memilih sebanyak itu (40 wakil jualan Bumiputera daripada 120 pengedar)," katanya.

Selain menjual, Mohamed Radzi berkata pengedar Emos juga akan menyediakan perkhidmatan selepas jualan yang bermutu tinggi.

Beliau yakin Modenas Kriss akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dan ia berupaya muncul sebagai jenama yang popular dalam pasaran motosikal dalam jangka masa yang singkat.

Saiz pasaran motosikal berkuasa sehingga 110ss adalah kira-kira 250,000 unit tahun lepas. Pasaran motosikal kelas itu dijangka meningkat kepada 270,000 tahun ini dan 285,000 buah pada tahun depan.

Emos meramalkan Modenas Kriss dapat menguasai 40 peratus daripada saiz pasaran itu tahun depan.

Mengenai rancangan pasaran antarabangsa, Mohamed Radzi berkata matlamat jangka panjang Emos adalah untuk menembusi pasaran dunia dengan tumpuan awal diberikan kepada rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik yang mempunyai pasaran yang baik bagi motosikal kelas yang sama dengan Modenas Kriss.

"Kami sudah mengenai pasti beberapa negara di Asia Tenggara dan motosikal kita akan mulai dijual di sana tidak lama lagi," katanya.

-- BERNAMA

MFJ NMO